

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA UPACARA HARI MARA
PADA 10 MAC 1967**

**Dato' Pengerusi, MARA,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Saya sangatlah berasa sukacita bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah dapat hadir pada hari ini untuk sama-sama menjayakan HARI MARA. Saya suka juga mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan dan berharap, bahawa dalam lawatan tuan-tuan dan puan-puan ke ibu kota Malaysia ini, dan juga dalam acara-acara yang telah diatitkan oleh pihak MARA, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menggunakan peluang ini dengan "sepenuh-penuhnya, bagi mendalami pengetahuan dan pengalaman-pengalaman tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan rancangan-rancangan yang sedang diselenggarakan oleh Kerajaan Perikatan.

Kelmarin tuan-tuan dan puan-puan membuat lawatan ke beberapa tempat di ibu kota Malaysia ini, dan pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan menyaksikan segala kerja yang sedang dilakukan oleh MARA. Sebagaimana yang telah saya katakan dahulu iaitu pada masa saya meletakkan batu asas bangunan ini, bahawa Kerajaan Perikatan dalam usahanya membentuk Badan ini akan memberi nafas yang baharu sesuai pula dengan tugas dan tanggungjawab yang akan dijalankan oleh Badan ini, untuk memperbaiki ekonomi Bumiputera di seluruh Malaysia ini. Dan saya sendiri telah tidak menentukan nama baharu itu, tetapi sebaliknya telah menyerahkan kepada Kongres Ekonomi Bumiputera yang bersidang pada bulan Jun, 1965 untuk merangkakan nama yang tersebut itu. Sesuai dengan semangat dan kehendak politik dan ekonomi di tanahair kita pada hari ini, Kongres telah merangkakan satu nama, iaitulah Majlis Amanah Rakyat. Dari nama ini sendiri, maka tuan-tuan dan puan-puan akan ketahui tentang bentuk dan cara perjalanannya, iaitulah sebagai sebuah Badan yang memegang amanah terhadap kepentingan-kepentingan ekonomi orang-orang yang berpendapatan rendah.

Tuan-tuan dan puan-puan dijemput oleh MARA untuk datang ke sini bagi menyaksikan upacara HARI MARA ialah kerana Kerajaan Perikatan memandang bahawa selain daripada kita mengadakan Badan-badan yang khususnya menjalankan daya usaha bagi meninggikan taraf ekonomi rakyat di luar bandar, maka terpaksalah juga digubalkan satu corak pemikiran yang baharu

terhadap pembangunan. Tuan-tuan dan puan-puan, sebagai wakil dari Daerah-daerah di seluruh Malaysia ini, akan dapat memberi kerjasama dalam perkara pembentukan satu aliran fikiran yang baharu.

Selepas tuan-tuan dan puan-puan melihat dari dekat segala kerja-kerja yang dilakukan oleh MARA, dan selepas mendengar keterangan-keterangan yang akan diberikan oleh Pegawai-pegawai MARA, tuan-tuan dan puan-puan sendiri akan dapat menentukan apakah Badan ini telahpun diberi nafas baharu atau tidak. Tetapi saya percaya, bila tuan-tuan dan puan-puan melawat Bilik Pertunjukan, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat melihat dengan nyata segala hasil yang telah tercapai pada ketika ini oleh MARA. Maka terpulanglah kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menilaikan segala hasil yang telah dipertunjukkan itu. Kita mestilah ingat iaitu MARA ini telah ditubuhkan hasil daripada cita-cita rakyat yang mana tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini menjadi wakil-wakilnya.

Sebagai yang telah saya selalu katakan, iaitu pihak Kerajaan Perikatan sedia mengadakan apa-apa rancangan juga yang sealiran dengan kehendak dan hasrat rakyat, tetapi faktor yang mustahak di sini ialah bagaimana segala rancangan dan daya usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan, dapat dipergunakan oleh rakyat dengan seluas-luasnya. Dalam perkara ini kejayaan mungkin tidak akan dapat dicapai seandainya corak pemikiran itu tidak diubah dan dalam masalah ini terpulanglah kepada tuan-tuan dan puan-puan sebagai wakil dari Daerah-daerah menjalankan daya usaha bagi memperkembangkan semangat baharu guna mencapai kejayaan yang sepenuhnya.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan pembangunan di dalam negara ini, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, saya telah mengambil perhatian yang berat terhadap langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh MARA. Dan sebagai yang telah saya jelaskan juga, selepas kita mengekebumikan RIDA, kita menubuhkan MARA ini dengan semangat dan nada yang baharu dan juga kita telah mengubah corak penyusunan kerja-kerja, supaya segala maksud yang ditujukan itu dapat dicapai dengan sepenuhnya. MARA tidak lagi akan menjalankan daya usaha yang bercorak kebajikan, tetapi sebaliknya akan menjalankan usaha-usaha yang bercorak bimbingan dengan diberi segala panduan yang bercorak nasihat, latihan, kewangan dan lain-lainnya yang boleh menentukan iaitu tiap-tiap gerak langkah yang dilakukan itu akan mencapai sepenuh-penuhnya kejayaan.

Selain daripada menjalankan usaha-usaha yang bercorak bimbingan, MARA juga adalah menjadi Badan Pemegang Amanah terhadap kepentingan-kepentingan rakyat jelata yang miskin. Dengan adanya dasar yang tersebut inilah maka MARA telah membeli saham-

saham dan menjalankan perusahaan-perusahaan supaya pada satu ketika kelak akan diserahkan usaha-usaha ini kepada rakyat yang miskin yang tidak ada kemampuan pada ketika ini untuk menjalankannya. Tetapi, sebelumnya segala amanah yang dipegangkan itu diserahkan balik kepada rakyat, latihan yang sempurna kenalah diberikan supaya ini dapat meyakinkan, bahawa tiap-tiap usaha yang telah diserahkan itu akan tidak tersimpang daripada tujuan dan hasrat politik dan ekonomi pada ketika ini.

Kerajaan Perikatan selama memegang pentadbiran negara ini telah membuktikan segala kejujuran kepada rakyat keseluruhannya. Kerajaan Perikatan juga telah menerima usul-usul yang dikemukakan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama kerana hendak menyesuaikan segala rancangan Kerajaan itu dengan hasrat dan cita-cita rakyat. Inilah bukti daripada kejujuran perjuangan Parti Perikatan. Walaupun ada pihak-pihak yang menyatakan Kerajaan Perikatan ini menjalankan dasar yang tidak seimbang, tetapi bukti-bukti daripada rancangan-rancangan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Perikatan telah dapat meruntuhkan kenyataan-kenyataan palsu mereka itu.

Dalam rangka meninggikan taraf ekonomi rakyat, Kerajaan Perikatan telahpun menubuhkan beberapa badan dengan diberikan tugas-tugas yang tertentu kepada badan-badan tersebut supaya tiap-tiap badan ini dapat menjalankan peranannya dengan teratur. Di dalam bidang perusahaan Kerajaan telah mengadakan badan-badan seperti FIDA dan MIDFL. Badan-badan ini akan menyelenggarakan corak pembangunan di dalam lapangan perusahaan dan perindustrian. Kemudian di dalam bidang pembangunan ekonomi luar bandar pula, Kerajaan telah menubuhkan beberapa banyak badan seperti MARA ini, FAMA, Bank Bumiputera dan FLDA.

Badan-badan ini menjalankan kerja-kerjanya tidaklah hanya menumpukan kepada sesuatu kaum ataupun kepada sesuatu golongan sahaja, tetapi sebaliknya menumpukan segala usaha bagi membaiki kehidupan rakyat jelata yang telah terbiar sebegitu lama pada masa penjajahan dahulu. Dan bagi mengelakkan pula kemungkinan kerja-kerja perlumbaan di antara badan-badan ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan supaya dapat langkah-langkah yang dijalankan oleh badan-badan ini diatur dengan sempurna. Gerakan meninggikan taraf hidup rakyat di negeri ini adalah gerakan yang bercorak ketenteraan. Kita terpaksa menyediakan alat-alat yang lengkap supaya dapat kita memecahkan persoalan-persoalan yang dihadapi itu dengan jayanya. Maka dengan sebab itulah, di dalam rangka pembangunan negara pada ketika ini banyak wang yang kena diperuntukkan bagi mengadakan alat-alat

tadi dan dengan adanya alat-alat ini dapatlah Kerajaan Perikatan menghilangkan bidang-bidang yang dahulunya miskin dan terbiar.

Perbelanjaan yang telah diuntukkan bagi maksud pembangunan itu berlipat ganda dari semasa ke semasa, tetapi seandainya segala rancangan yang telah diperlakukan oleh pihak Kerajaan tidak pula mendapat sokongan dan kerjasama yang erat dari rakyat jelata, maka sudah tentu rancangan-rancangan itu tidak akan membuahkan hasil yang sebaik-baiknya.

Pembangunan adalah kaedahnya seperti seorang yang cuba menepuk tangan. Sebelah tangan sahaja tidaklah akan mengeluarkan apa-apa bunyi, tetapi jika sekiranya digunakan dua belah tangan sekali dan bila ditepuk sudah tentulah akan mengeluarkan bunyinya. Kerajaan boleh diumpamakan sebagai sebelah tangan dan rakyat jelata pula adalah menjadi sebelah tangan lagi. Kedua-dua ini mestilah dapat bergerak dengan serentak baharulah dapat mengeluarkan hasil dan kejayaan yang sempurna.

Semenjak Parti Perikatan mula memegang tampuk pemerintahan di negeri ini, tidak ada sebuah rancangan pun yang telah dilakukan dengan dilaksanakan rancangan itu kepada rakyat jelata. Tiap-tiap satu rancangan itu dilaksanakan dengan secara perundingan. Ini dapat dilihat daripada corak pelaksanaan pembangunan luar bandar. Hasrat untuk pembangunan ini dimulakan di peringkat Kampung dan kemudiannya kepada daerah dan seterusnya kepada negeri dan kemudiannya sekalilah baharu ke peringkat Persekutuan atau Nasional. Maka di peringkat nasional inilah akan dikaji keperluan-keperluan itu dan menjalankan tindakan terhadap keperluan-keperluan itu mengikut daya yang ada.

Ini juga dapat menunjukkan bahawa, Kerajaan Perikatan berpegang teguh kepada sistem demokrasi. Dan dengan ini juga menunjukkan bahawa falsafah perjuangan UMNO yang berdasarkan kepada demokratik nasionalisma telah dipraktikkan di dalam bidang pembangunan negara. Dan dalam inti falsafah ini, Kerajaan Perikatan selalunya memandang pada tiap-tiap satu rancangan itu dari segi praktikal dan dari segi kebangsaan. Dan cara dilaksanakan rancangan itu sebagai yang telah saya jelaskan adalah mempunyai unsur-unsur demokrasi. Dan ini juga menunjukkan di dalam negara kita yang berbilang bangsa ini Kerajaan Perikatan telah dapat menyesuaikan falsafah pembangunan ini supaya tiap-tiap seorang warganegara itu mempunyai hak untuk menikmati segala kejayaan yang telah dicapai.

Walaupun telah saya nyatakan di sini iaitu tiap-tiap pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan Perikatan ini mempunyai unsur-unsur di mana tiap-tiap seorang warganegara berhak menikmati segala kejayaannya yang telah dicapai, tetapi ini terpulanglah pula kepada rakyat sendiri. Jika sekiranya mereka tahu tentang perlunya

mereka bersama-sama mengambil bahagian, maka sudah tentu mereka akan dapat mengecap segala kejayaan yang telah dicapai.

Falsafah pembangunan Kerajaan Perikatan adalah satu falsafah yang luas dan juga satu falsafah yang terbuka yang tidak terkongkong oleh mana-mana teori-teori lapuk yang dimasukkan ke sini kerana kononnya didapati teori-teori itu berjaya di setengah-setengah tempat. Pada penganalisaan orang-orang ini, masyarakat itu adalah serupa sahaja keadaannya dengan tidak ada sama sekali perbezaan-perbezaan, maka dengan sebab itulah pada pendapat mereka jika dikenakan sesuatu teori yang berjaya di lain-lain tempat, maka di sini juga akan berjaya. Tetapi malangnya, orang-orang ini telah tidak dapat membuka pandangan mereka dengan lebih luas lagi dan melihat keadaan yang ada di sini dan juga di negara-negara tetangga.

Parti Komunis Indonesia telah gagal dalam perjuangannya untuk menegakkan satu sistem yang asing sekali dengan bentuk masyarakat di sana, walaupun mereka telah cuba hendak menyesuaikan ideologi asing ini dengan keadaan yang setempat. Tetapi disebabkan falsafah perjuangan mereka adalah satu falsafah yang tertutup dan beku keadaannya, maka masyarakat telah menolak falsafah itu dan dengan itu juga telah menghancurkan pergerakan mereka. Ini ialah satu pengajaran kepada pihak-pihak yang ada di dalam negeri ini yang masih lagi melaung-laungkan bahawa di dalam sesuatu perjuangan politik maka parti yang berjuang itu mesti mempunyai sesuatu falsafah perjuangan yang ketat bentuknya. Falsafah yang terkongkong seperti yang telah disebutkan itu akan membawa pejuang-pejuangnya kepada satu pandangan yang sempit dan mereka akan cuba menegakkan kebenaran falsafah itu dengan dijadikan masyarakat sebagai alat. Tujuan mereka bukanlah untuk membangunkan masyarakat, tetapi sebaliknya hanya untuk menunjukkan kepada dunia bahawa ideologi perjuangan mereka itu dapat ditegakkan.

Bilamana secara demokrasi mereka gagal, maka mereka gunakanlah segala daya walaupun di luar garisan ketatanegaraan. Mereka tidak lagi menjadi sebagai pejuang terhadap negara, tetapi sebaliknya mereka inilah yang akan menjahanamkan negara dan menjadi petualang kepada cita-cita nasional. Mereka inilah juga akan cuba mempengaruhi orang-orang yang kurang faham tentang falsafah pembangunan Kerajaan Perikatan guna dijadikan sebagai alat bagi mengembangkan pergerakan mereka. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang datang ke sini pada hari ini akan mengawasi gerakan-gerakan mereka ini supaya jangan negara ini dinodai oleh udara perselisihan.

Saya telah nyatakan beberapa kali iaitu Kerajaan Perikatan sedia menerima walau apa corak rancangan sekalipun, asalkan rancangan-

rancangan itu bercorak nasional dan mempunyai unsur-unsur demokrasi. Kita tidak kira adakah asas rancangan itu datang dari Timur ataupun dari Barat. Yang kita tujukan ialah tiap-tiap sesuatu yang kita lakukan itu akan memberi kebahagiaan kepada negara dan masyarakat.

Kerajaan Perikatan menjalankan usaha-usaha pembangunannya dengan tidak suka melaung-laungkan falsafah perjuangannya. Ini juga membuktikan iaitu pembangunan yang kita jalankan itu adalah secara jujur dan tidak mempunyai apa-apa maksud walau dari segi politik ataupun sebagainya. Tetapi ada juga pihak-pihak yang cuba menggunakan pembangunan bagi sesuatu kepentingan yang tertentu. Parti Perikatan sedia bertemu dengan rakyat untuk rakyat menghakimkan atas bukti-bukti perlaksanaan rancangan, selama memegang tampuk pemerintahan. Walaupun macam-macam kata telah dikeluarkan oleh pihak-pihak pembangkang bagi merosakkan imej Kerajaan Perikatan, tetapi rakyat jelata di Malaysia sudah matang di dalam soal ini dan sudah tidak dapat lagi terpesona dengan kata-kata yang tersebut itu. Dengan sebab gagalannya cara yang demikian itu pihak-pihak yang menentang Parti Perikatan telah menjalankan daya usaha yang lebih dan di atas gerakan inilah yang telah saya nyatakan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang harus tuan-tuan dan puan-puan awasi. Kita berjuang mempunyai sesuatu matlamat, dan matlamat Kerajaan Perikatan ialah untuk menghulurkan segala kebahagiaan kepada rakyat.

Berbalik kepada masalah pembangunan, sebagai yang telah saya jelaskan tadi, iaitu dua pihak mestilah dapat bekerja dengan erat jika sekiranya pembangunan betul-betul hendak berjaya. Dua pihak yang saya maksudkan di sini ialah pihak Kerajaan dan pihak rakyat jelata. Pihak Kerajaan telah menjalankan gerakan-gerakan untuk menerangkan kepada rakyat bagaimana mereka dapat bersama-sama dengan Kerajaan menolong membangunkan negara ini. Kalaulah selalunya kita mendengar kata-kata bahawa kemerdekaan mestilah diberi isi, maka sudah sewajarnya isi itu mesti datang bukan hanya daripada pihak Kerajaan semata-mata, tetapi juga mestilah datang daripada pihak rakyat bersama. Tanggungjawab pembangunan adalah tanggungjawab kesemua pihak.

Kalaulah kita lihat negeri-negeri yang maju di Asia ini seperti negeri Jepun, tiap-tiap seorang daripada warganegara di sana menjalankan daya usahanya yang tersendiri demi kepentingan nasional. Dan dengan sebab itulah juga negeri Jepun itu dapat mencapai kemajuan yang sebegitu cepat hingga dapat mengkagumkan dunia. Dan semangat inilah juga yang seharusnya ditanamkan di negeri kita pada masa ini dan dengan adanya semangat ini, InsyaAllah masa depan negara Malaysia tetap akan gemilang. Dan bagi maksud

ini, adalah terpulang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menggerakkan semangat baharu dan pandangan yang baharu terhadap rancangan-rancangan pembangunan. Tuan-tuan dan puan-puan adalah wakil-wakil yang dipilih khas oleh MARA dan juga Kerajaan dalam segi meninggikan taraf hidup orang-orang di luar bandar.

Saya suka menjelaskan di sini salah satu daripada tugas MARA di dalam bidang pembangunan, iaitu adalah menjadi kewajipan MARA bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam Persekutuan dan khususnya dalam kawasan-kawasan luar bandar Persekutuan. Di sini menunjukkan iaitu selain daripada pembangunan ekonomi tugas MARA adalah juga untuk membangunkan bentuk-bentuk kemasyarakatan yang baharu di dalam negeri ini terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Masyarakat bermakna manusia dan manusia jika hendak maju mestilah dapat bekerjasama di antara satu sama lain. Tetapi untuk bekerjasama bagi sesuatu maksud seperti pembangunan ini corak pemikiran itu mestilah diubah - diubah kepada satu pandangan yang lebih dinamik. Pada masa saya meletakkan batu asas dahulu saya telah menyatakan iaitu bahawa Majlis ini akan dijadikan satu badan yang dinamik yang boleh sebenar-benarnya menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dengan sepenuh-penuhnya. Maka adalah perlu juga bahawa pemikiran dari bumiputera sendiri berubah kepada pandangan yang dinamik juga dan cuma dengan cara yang demikian itu sahaja dapat kita menentukan kejayaan.

Saya harap bilamana tuan-tuan dan puan-puan balik kelak ke daerah masing-masing, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memberi penerangan yang sepenuh-penuhnya kepada penduduk-penduduk di kawasan tuan-tuan dan puan-puan tentang peranan yang sedang dilakukan oleh MARA dalam rangka pembangunan masyarakat luar bandar. Tuan-tuan dan puan-puan mestilah juga menyatakan, iaitu rancangan-rancangan yang akan dilakukan oleh MARA akan berdasarkan kepada kejayaan yang akan dicapai kelak. Dan untuk menentukan kejayaan itu terpaksalah pihak MARA menjalankan kajian-kajian yang betul-betul teliti.

Inilah fahaman berkenaan MARA yang harus disebar dengan seluas-luasnya. Seandainya masyarakat di luar bandar tidak mengetahui dengan sepenuhnya kedudukan MARA dalam rangka perjalanannya, maka sudah tentulah kekeliruan-kekeliruan akan timbul.

Hari MARA ini diadakan ialah untuk memperkenalkan MARA kepada rakyat dengan lebih dekat lagi. Ini tidaklah pula bermakna bahawa MARA ini membukakan pintunya untuk rakyat jelata hanya

pada 10 haribulan ini sahaja. Pada bila-bila masa sahaja rakyat suka hendak mengetahui perjalanan MARA, maka MARA ini sedia menerima mereka. MARA dilahirkan atas cita-cita rakyat, maka rakyat adalah berhak untuk mengetahui MARA dengan sedekat-dekatnya. Kata pepatah Melayu, "Tak kenal maka tak cinta", dan kerana tak kenal juga telah timbul salah faham dan perselisihan. MARA akan cuba memperkenalkan dirinya kepada rakyat dan akan menyamakan diri dengan hasrat dan cita-cita nasional.

Sekianlah yang hendak saya cakapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan pada petang ini dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menyebarkan pesanan saya ini bilamana tuan-tuan dan puan-puan balik kelak. Terima kasih.